

UMSutamakan aspek disiplin

► Bantu kecemerlangan dalam setiap inisiatif dilaksanakan

Oleh **SITI AISYAH NARUDIN**

KOTAKINABALU: Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) diingatkan supaya mementingkan disiplin dalam apa juga situasi tugas yang dijalankan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata saranan berkenaan membantu merealisasikan setiap inisiatif yang dirancang dengan lebih mudah dan berkesan.

Beliau percaya paduan disiplin dalam tugas mampu menyumbang nilai yang baik terhadap kecemerlangan UMS.

“Budayakan kreativiti dan amalkan inovasi dalam setiap pekerjaan rutin yang kita lakukan.

“Ia sudah tentu dapat meningkatkan prestasi dan akhirnya menghasilkan

perkhidmatan yang berkualiti dan efisien,” katanya,

Kamarudin berkata demikian sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti (Aku) UMS 2016 di sini pada Rabu.

Pada majlis itu, seramai 194 kakitangan UMS menerima pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016.

Selain itu, seramai 16 yang bersara menerima Anugerah

Jasamu Dikenang dan 25 penerima Anugerah Jasa Setia manakala sembilan orang menerima Anugerah Inovasi.

“Angka ini menunjukkan kakitangan UMS sangat komited dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan sepanjang 2016.

“Sebagai penjawat awam, kita dituntut untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang

“Budayakan kreativiti dan amalkan inovasi dalam setiap pekerjaan rutin yang kita lakukan. Ia sudah tentu dapat meningkatkan prestasi dan akhirnya menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor UMS



KAMARUDIN (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang Anugerah Laman Web Kategori Pentadbiran pada majlis itu. Turut kelihatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Shahril Yusof (tengah).

kepada masyarakat sepanjang berkhidmat.

“Tanamkan dalam jiwa untuk sentiasa dinamik, lestari dan berintegriti untuk kita sentiasa cemerlang,”

jelasnya.

Beliau turut mengingatkan semua penerima anugerah agar meneruskan komitmen yang tinggi tanpa mengharapkan

pengiktirafan.

Pihaknyamahu warga UMS bersama-sama meningkatkan kompetensi diri dan fokus terhadap tanggungjawab masing-masing.